


1 - 15 JANUARI, 2025

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow




# Anggaran defisit terendah

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**


KETUA Menteri bersama-sama barisan Exco dan kepimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan dokumen Belanjawan Tahun 2025 Negeri Pulau Pinang usai pembentangan di Dewan Undangan Negeri baru-baru ini.

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Pulau Pinang menganggarkan perbelanjaan sebanyak RM1.047 bilion bagi Belanjawan 2025 yang merangkumi RM940,223,689 perbelanjaan mengurus negeri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa anggaran perbelanjaan yang dibentangkan adalah mengambil kira kedudukan kewangan negeri semasa ini.

Menurut Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi berkenaan, baki Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri semakin berkurang jika dibandingkan kedudukan lima tahun terkini, iaitu dari tahun 2019 sehingga 2023.

"Sebagai rekod, baki Akaun Hasil Disatukan pada akhir tahun 2019 adalah berjumlah RM1.154 bilion; RM887.78 juta (2020); RM848.81 juta (2021); RM688.85 juta (2022) dan RM330.03 juta (2023).

"Secara relatif, saiz Belanjawan Tahun 2025 sebanyak RM940.22 juta adalah berkurang sebanyak RM106.78 juta, berbanding Belanjawan Tahun 2024.

"Pengurangan sebanyak 10.19 peratus ini dilihat realistik dengan mengambil kira prestasi perbelanjaan sebenar tahun 2023 sebanyak RM951.76 juta.

"Belanjawan Tahun 2025 menyaksikan anggaran defisit terendah dalam sejarah belanjawan negeri Pulau Pinang, iaitu sebanyak RM33.63 juta," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota semasa membentangkan belanjawan tahunan tersebut di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang pada 22 November 2024.

Sebelum itu, beliau menjelaskan bahawa perbelanjaan bekalan yang dibolehkan bagi tahun 2025 adalah sebanyak RM905,271,957 dengan melibatkan 21 jabatan.

Selain Perbelanjaan Bekalan, Kon Yeow menjelaskan bahawa sejumlah RM34,951,732 diperlukan untuk menampung Perbelanjaan Tanggungan Tahun 2025 yang melibatkan tiga jabatan mengikut Undang-undang di bawah Kumpulan Wang Disatukan.

"Dengan mengambil kira anggaran Perbelanjaan Bekalan dan Tanggungan ini, maka, jumlah keseluruhan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Negeri Pulau Pinang Tahun 2025 adalah sebanyak RM940,223,689," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Batu Kawan.

Di samping itu, beliau turut membentangkan komponen Perbelanjaan Mengurus yang terdiri daripada Emolumen sebanyak RM207,547,367 atau 22.07 peratus; Perkhidmatan dan Bekalan (RM193,925,552 atau 20.62 peratus); Aset, (RM4,628,868 atau 0.50 peratus); Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (RM532,705,462 atau 56.66 peratus); dan Perbelanjaan Lain (RM1,416,440 atau 0.15 peratus).

"Sebagai retrospektif, suka saya maklumkan bahawa Dewan yang mulia ini telah meluluskan Belanjawan Negeri Pulau Pinang Tahun 2025 sebanyak RM1.047 bilion, namun, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan menguatkuasakan penjajaran melalui pengenaan sekatan perbelanjaan ke atas Objek Sebagai atau OS tertentu bagi memastikan Kerajaan Negeri mempunyai lebihan baki Akaun Hasil Disatukan apabila memasuki tahun 2025.

"Belanjawan Tahun 2025 ini membawa mesej yang jelas bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang memilih pendekatan pragmatik berbanding idealistik dalam memikirkan kelangsungan fiskal negeri pada jangka masa panjang," ulasnya lanjut.

# RM6.93 juta demi keterjaminan makanan dan masyarakat berdaya tahan




**GEORGE TOWN** - Kira-kira RM6.93 juta diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri melalui Belanjawan Pulau Pinang 2025 bagi meningkatkan kemampanan negeri serta mewujudkan masyarakat yang berdaya tahan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan hasil pengeluaran dan kualiti produk pertanian di negeri ini.

"Pada tahun ini, Jabatan Pertanian (Negeri Pulau Pinang) telah menerima peruntukan pembangunan sektor agromakanan berjumlah RM6.93 juta oleh Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan 14 projek pertanian.

"Daripada jumlah itu, dua projek lagi adalah untuk membaik pulih dan menaik taraf infrastruktur pengoperasian jabatan," katanya semasa membentangkan Belanjawan 2025 pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang ke-15 di sini pada 22 November lalu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow turut memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri turut memperkenalkan Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0) bagi memacu pembangunan sektor pertanian negeri.

"Dasar ini bukan sahaja memberi tumpuan kepada penghasilan makanan yang mencukupi dan selamat dimakan, tetapi juga untuk memastikan bahawa bekalan makanan dapat diakses oleh seluruh rakyat.

"Justeru, pelaksanaan projek seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Ara Kuda, TKPM Mayfield, Taman Agro Batu Kawan (Juru) dan Taman Pertanian (Agropark) Permatang Pauh telah menjadi langkah strategik penting dalam memperkasakan usaha dan agenda keterjaminan makanan di negeri ini," ujarnya yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi.

Tambah Kon Yeow, bagi meningkatkan kemampanan sektor ternakan di negeri ini, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) komited menunjukkan prestasi stabil dalam memastikan industri penternakan kekal mampan.

"Perkara ini dapat dilihat apabila Nilai Hasil Ternakan (NHT) terus menunjukkan prestasi yang stabil sejak tahun 2019, dengan perolehan melebihi RM 1 billion setiap tahun," ulasnya lanjut.

Pulau Pinang juga telah memberikan sumbangan signifikan kepada sektor akuakultur negara, dengan nilai pengeluaran mencapai RM429.47 juta pada tahun 2023, melalui hasil tangkapan sebanyak 60,562.79 tan metrik.



**BANTUAN jentera dan peralatan antara insentif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memastikan hasil pertanian dapat ditingkatkan.**

## Sektor eksport, import sehingga Ogos kian berkembang

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa eksport Pulau Pinang bagi tempoh Januari hingga Ogos tahun ini memperlihat peningkatan signifikan sebanyak 7.5 peratus dengan nilai mencapai RM301.95 bilion.

Beliau menyatakan bahawa peningkatan signifikan tersebut dilihat selepas eksport negeri pada tahun 2023 mencatatkan nilai RM434.74 bilion dengan penurunan sebanyak 3.6 peratus berbanding tahun sebelumnya.

"Kerajaan Negeri akan terus memberi fokus kepada peningkatan daya saing dan pengukuhan rantaian bekalan yang akan menyokong pertumbuhan eksport negeri secara keseluruhan serta berterusan," jelasnya semasa membentangkan Belanjawan 2025 di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang ke-15 di sini pada 22 November 2024.

Beliau menjelaskan bahawa 78.4 peratus daripada jumlah eksport negeri adalah berkaitan jentera dan kelengkapan pengangkutan, diikuti produk keluaran kilang serta bahan kimia.

Sementara sektor import negeri bagi tahun 2023 pula, Kon Yeow memberitahu bahawa ia mencatatkan penurunan sebanyak 12.4 peratus dengan nilai RM285.08 bilion.

Pun begitu, menurutnya lagi, sektor import negeri bagi tempoh Januari hingga Ogos tahun ini menunjukkan pemulihan secara ketara dengan peningkatan sebanyak RM214.27 bilion atau 17.4 peratus.

Beliau menjelaskan bahawa jentera dan kelengkapan pengangkutan turut menjadi komoditi utama dengan mencatatkan 72.3 peratus daripada jumlah import negeri pada tahun 2023, diikuti oleh produk kimia dan barangan keluaran kilang.




**CHOW Kon Yeow.**

## Peruntukan RM2.27 juta projek bina Masjid Sungai Bakap

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM2.27 juta bagi memastikan proses pembinaan Masjid Sungai Bakal berjalan lancar pada tahun depan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi mengumumkan perkara itu semasa membentangkan Belanjawan 2025 Pulau Pinang di Dewan Undangan Negeri pada 22 November 2024.



**ILUSTRASI masjid baharu Sungai Bakap.**

"Dalam usaha memartabatkan Islam sebagai agama rasmi negeri, Kerajaan Negeri senantiasa memastikan program-program pendidikan Islam terus diperkukuh, termasuk menjalinkan kerjasama erat dengan badan-badan agama dan institusi pendidikan sebagai usaha untuk meningkatkan akses pembangunan pendidikan Islam yang inklusif," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Di samping itu, beliau yang juga Ahli Parlimen Batu Kawan menyatakan bahawa mulai tahun hadapan, projek pembinaan sebuah masjid baharu turut akan dilaksanakan di Zon 1 melalui Projek Pembangunan Smart City Campus KITAB di Bandar Cassia, Batu Kawan.

"Projek berkaitan merupakan komponen utama Pelan Induk Kampus Pintar KITAB 2030 yang mengintegrasikan pendidikan, perniagaanserta kehidupan komuniti bagi menjadikannya model *smart city* berdaya saing," uajrnya.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA DUN KE-15

# Beras cap Feri, beras import termurah

**GEORGE TOWN** – Beras cap Feri yang memasuki pasaran melalui Jualan Agro Madani (JAM) Peladang merupakan beras Kelas Import dan paling murah bagi kategorinya.

Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, Fahmi Zainol berkata demikian semasa sesi soalan lisan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 di sini baru-baru ini.

"Sebagai permulaan, ia akan dijual melalui JAM Peladang pada harga RM15 untuk lima kilogram (kg) dan jualannya adalah mengikut tarikh yang dimaklumkan dari semasa ke semasa.

"Dalam pada itu, beras dengan berat 10kg masih dalam peringkat permulaan," ujarnya.

Dalam menangani isu ketiadaan beras tempatan pula, Fahmi menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) setempat meliputi pemasaran beras di dalam negeri terlebih dahulu sebelum dihantar ke luar negeri.

"Dalam memperkasakan langkah ini, kita akan cuba berbincang dengan PPK untuk dapatkan hasil padi 100 peratus untuk pemasaran dalam negeri.

"Hasil kita dalam 50 hingga 60 peratus (beras Pulau Pinang)… memang dipasarkan pada peringkat tempatan (negeri), lebih daripada itu dijual di luar Pulau Pinang," ulasnya lanjut.

Ketika sesi penggulungan perbahasan, Fahmi menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan memperkenalkan Projek Solusi Penggalak Fotosintesis secara menyeluruh untuk sawah padi di negeri Pulau Pinang.

"Teknologi penggalak fotosintesis ini digunakan untuk meningkatkan kecekapan fotosintesis tumbuhan bagi membolehkan tanaman seperti padi menyerap lebih banyak karbon dioksida (CO2) dan mengeluarkan lebih banyak hasil padi.

"Teknologi ini telah diuji dan menunjukkan peningkatan sebanyak 15 hingga 40 peratus dalam hasil pengeluaran padi," katanya.



FAHMI Zainol.




BERAS cap Feri yang dipasarkan melalui Jualan Agro Madani (JAM).

# MB Kedah perlu henti keluar kenyataan berbaur hasutan

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menggesa Menteri Besar (MB) Kedah supaya berhenti mengeluarkan kenyataan berbaur hasutan mengenai kedaulatan negeri Pulau Pinang.

Beliau menegaskan bahawa Pulau Pinang merupakan sebuah negeri berdaulat sepertimana yang termaktub dalam Perkara 1 (2) Perlembagaan Persekutuan.

"Menteri Besar Kedah dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah telah mengulangi kenyataan berbaur hasutan bahawa Pulau Pinang adalah milik Kedah.

"Saya ingin tegaskan dengan sekeras-kerasnya bagi pihak Kerajaan Negeri dan rakyat negeri ini bahawa Pulau Pinang merupakan sebuah negeri berdaulat di bawah Perlembagaan Persekutuan.

"Jadi kita harap Menteri Besar Kedah dapat menghormati hak Pulau Pinang dan tidak mengulangi kenyataan berbaur hasutan tersebut," katanya pada sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 di sini pada 28 November lalu.

Pada masa sama, Kon Yeow mengulangi kenyataan bahawa sebarang tuntutan yang mahu dikemukakan oleh Menteri Besar Kedah harus dibawa ke mahkamah.

"Jika mahu membuat tuntutan rasmi, saya sudah banyak kali nyatakan supaya bawa isu ini ke mahkamah.

"Beliau tidak perlu membuang masa dengan mengulangi dakwaan tidak berasas tersebut di luar mahkamah," tegasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Justeru, Kon Yeow menyeru kepada semua wakil rakyat di negeri ini, termasuk pemimpin pembangkang supaya bersama-sama dengan Kerajaan Negeri dalam mempertahankan kedaulatan negeri Pulau Pinang.

"Saya harap semua Ahli Dewan bersama-sama kita dalam isu ini termasuklah MP (Ahli Parlimen) pembangkang.

"Adakah (ADUN pembangkang) memihak kepada Pulau Pinang atau pemimpin parti," soalnya.

KETUA Menteri bersama-sama Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Dato' Law Choo Kiang (berjubah hitam) dan barisan ADUN bergambar kenang-kenangan selepas Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 ditangguhkan.



# Penggunaan air tinggi, sambungan haram antara punca tekanan air rendah

**GEORGE TOWN** – Gangguan bekalan air yang berlaku, khususnya di kawasan Batu Kawan adalah berpunca daripada penggunaan air per kapita sehari (LKH) yang tinggi di negeri ini.

Exco Pengangkutan, Infrastruktur dan Digital, Zairil Khir Johari berkata bahawa penggunaan air kini adalah sebanyak 307 LKH, lebih dua kali ganda daripada sasaran purata nasional 180 LKH pada tahun 2025.

"Impak ini memberi kesan kepada tekanan air semasa waktu puncak dari jam 6 pagi hingga 10 pagi, dan pada tempoh 6 petang hingga 11 malam.

"Selain itu, anggaran keperluan 10 tahun oleh Kerajaan Negeri dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah meningkat dalam tempoh empat tahun sahaja.

"Pembangunan yang pantas dalam sektor semikonduktor juga dilihat antara punca kepada masalah ini yang mana kita dapat melihat banyak industri baru khususnya di Seberang Perai Selatan (SPS) melebihi jangkaan," katanya ketika menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Abidin Ismail pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Zairil menyatakan bahawa antara punca lain adalah peningkatan peratusan kadar air tidak terhasil (NRW) kerana PBAPP terpaksa meningkatkan tekanan paip-paip utama supaya lebih banyak air dapat disalurkan kepada pengguna untuk kegunaan harian.

"Pengunaan pam persendirian dan penyambungan dari paip PBAPP secara haram juga menyebabkan gangguan kepada tekanan air sedia ada.

"Walau bagaimanapun, PBAPP akan berusaha sebaik mungkin untuk mengatasi masalah berkaitan," katanya yang juga ADUN Tanjong Bunga.

# Pelan Tindakan Bakat STEM, pelan strategik jangka panjang bangunkan modal insan mahir

**GEORGE TOWN** – Pelan Tindakan Bakat STEM Pulau Pinang atau *Penang STEM Talent Blueprint* yang dilancarkan pada 8 September 2024 merupakan pelan strategik jangka panjang dalam membangunkan modal insan yang berkemahiran.

Timbalan Ketua Menteri II, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa misi pelan tindakan berkaitan juga adalah bagi membina tenaga kerja mampan serta berpengetahuan dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) untuk memenuhi permintaan industri di negeri ini.

"Kekurangan bakat dalam sektor semikonduktor adalah trend global yang dihadapi termasuk Pulau Pinang.



JAGDEEP Singh Deo.

"Pulau Pinang memerlukan lebih ramai bakat teknikal yang terlatih untuk menyokong industri sedia ada sekali gus menarik pelaburan langsung asing baharu.

"Justeru, sebagai langkah proaktif pelan tindakan ini diperkenalkan termasuk *Penang Strategy for Economic Ecosystem Development* dalam merealisasikan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 dan Strategi Semikonduktor Kebangsaan (NSS)," ujarnya pada sesi penggulungan sempena Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 di sini pada 28 November 2024.

Beliau yang juga Exco Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi turut menyentuh senario sektor elektrik dan elektronik (E&E) di Pulau Pinang.

"Sektor E&E Pulau Pinang berkembang pesat dan menjadi penyumbang utama nilai eksport negara sebanyak 58 peratus pada tahun 2023.

"Malah, Kerajaan Negeri juga menyasarkan sektor ini mampu mencapai RM1 trilion menjelang tahun 2030 nanti.

"Oleh yang demikian fokus akan terus diberikan kepada tiga aktiviti utama di bawah NSS iaitu reka bentuk litar bersepadu *(IC design)*, pembungkusan termaju *(advanced packaging)* dan peralatan pembuatan *(manufacturing equipment)*," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datok Keramat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA DUN KE-15**

## Promosi pelancongan Seberang Perai giat dijalankan

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri melalui *Penang Global Tourism* (PGT) giat mempromosikan Seberang Perai sebagai destinasi pelancongan unik.

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Wong Hon Wai berkata bahawa Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai inisiatif serta program untuk menarik lebih ramai pelawat berkunjung ke Seberang Perai.

"Kerajaan Negeri melancarkan inisiatif seperti *Seberang Perai Tourism Promo Video*, *The Opposite Side of the Island*, yang mempamerkan pelbagai aktiviti dan tempat-tempat indah di Seberang Perai.

"Kempen ini bertujuan untuk mengimbangi pelancongan antara pulau dan Seberang Perai dengan menekankan Seberang Perai sebagai permata yang belum diteroka.

"Selain itu, projek pemasangan *Penang International Container Art Festival* di *Design Village Outlet Mall* telah menyediakan pengalaman *Instagrammable*, di samping menambah nilai seni dan menarik pelancong muda ke kawasan itu.

"Usaha yang disasarkan ini bertujuan untuk meletakkan Seberang Perai sebagai destinasi yang saling melengkapi


WONG Hon Wai.

dengan menawarkan pelbagai pengalaman budaya dan rekreasi yang menarik," katanya pada sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 dekat sini pada 27 Disember lalu.

Tambah Hon Wai, buat pertama kalinya, acara tahunan *Penang Bridge International Marathon* (PBIM) 2024 diadakan di Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Jambatan Kedua Pulau Pinang).

"Ini kali pertama dalam sejarah PBIM akan bermula larian dari Seberang Perai.

"Beberapa acara lain turut dianjurkan seperti *Penang International Food Festival* telah berlangsung di Batu Kawan, *Butterworth Fringe Festival* dan *Nibong Tebal Festival* di samping menyokong *Bukit Mertajam Festival*.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) turut merancang pelbagai langkah dalam memupuk aktiviti pelancongan dan ekonomi kreatif di Seberang Perai.

Hon Wai berkata bahawa projek pembinaan Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah yang bakal dibuka pada awal tahun 2025 dan bakal menjadi daya tarikan baru bagi kawasan Seberang Perai khusunya daerah Seberang Perai Utara (SPU).

**GALERI Arkeologi Guar Kepah merupakan satu lagi daya tarikan baharu yang dijangka mampu menarik kehadiran lebih ramai pelancong ke Seberang Perai.**




## 26,984 asnaf fakir, miskin terima zakat RM49.2 juta

**GEORGE TOWN -** Sehingga Oktober 2024, Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan Zakat Pulau Pinang (ZPP) telah mengagihkan sejumlah RM49,152,546.05 kepada 6,892 orang asnaf fakir dan 20,092 asnaf miskin.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid yang juga Yang Dipertua MAINPP memberitahu perkara itu dalam sesi ucapan penggulungan sempena Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang di sini pada 28 November 2024.

"Peranan Zakat Pulau Pinang (ZPP) adalah membangunkan sosioekonomi ummah.

"Antara penerima bantuan zakat teramai adalah dari Kawasan Dewan Undangan Negeri (KAUDN) Permatang Berangan dengan jumlah penerima seramai 1,816 orang; Seberang Jaya (1,687); Penaga (1,657); Permatang Pasir (1,422), Pinang Tunggal (1,396); Bayan Lepas (1,334); Machang Bubuk (1,257); Sungai Pinang (1,113); dan Sungai Bakap (1,041)," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Beliau memberitahu bahawa MAINPP melalui anak syarikatnya ZPP menyasarkan kutipan sejumlah RM170 juta bagi tahun 2024.

"Kutipan zakat senantiasa meningkat (dengan rekod) pada tahun 2022 sebanyak RM150 juta, 2023 (RM159.7 juta).

"Sementara pada tahun 2024, kutipan dianggarkan mencecah hampir RM170 juta, berdasarkan unjuran kutipan zakat harta dan (zakat) fitrah... (yang mana) kutipan setakat 26 November 2024 sebanyak RM118,773,935.47," ujarnya lanjut.

# Program pembangunan asnaf berjaya lahir 68 usahawan

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA DUN KE-15

**GEORGE TOWN -** Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) menerusi Zakat Pulau Pinang (ZPP) akan terus berusaha melaksanakan program pembangunan sosioekonomi khusus kepada golongan asnaf sehingga mampu mengeluarkan zakat.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid yang juga Exco Pembangunan Agama Islam, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat berkata bahawa pihaknya akan terus menggalakkan program pembangunan keusahawanan seperti kursus pembuatan kuih tradisional dan pembaikan mesin basuh, dengan penglibatan golongan asnaf.

"Hasilnya, seramai 68 usahawan asnaf berjaya membayar zakat iaitu daripada mustahik (orang yang berhak menerima zakat) kepada muzakki (orang yang dikenakan kewajiban membayar zakat)," jelasnya yang juga Yang Dipertua MAINPP dalam sesi penggulungan sempena Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 28 November 2024.

Dalam perkembangan lain, Mohamad yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung memberitahu bahawa ketika ini terdapat lapan Pusat Hemodialisis Zakat di bawah kendalian ZPP.

"(Sebagai contoh, Pusat Hemodialisis Zakat) Butterworth terus memberikan perkhidmatan rawatan secara percuma kepada 210 pesakit, dengan penambahan 23 mesin dialisis yang baru pada tahun ini, bernilai RM920,000 bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan (serta) dengan peruntukan untuk Pusat Hemodialisis Zakat di bawah MAINPP sebanyak RM6.9 juta," ujarnya.

## Terus perkasakan sektor keusahawanan



RASHIDI Zinol.

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang terus berusaha memperkasakan sektor keusahawanan di negeri ini.

Exco Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar, Dato' Rashidi Zinol berkata bahawa antara inisiatif yang telah diambil bagi mencapai maksud tersebut adalah melalui penganjuran pelbagai program berkaitan keusahawanan.

Menurut beliau, dari Januari hingga November tahun ini, sebanyak 230 program keusahawanan telah dijalankan bersama dengan agensi-agensi berkaitan.

"Antara agensi yang terlibat adalah Pejabat Mara Pulau Pinang, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), *Penang Halal International* (PHI), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Pejabat Daerah dan Tanah, persatuan serta lain-lain agensi.

"Semua program yang dianjurkan ini telah memberi manfaat kepada hampir 1,162 usahawan di negeri ini," katanya pada sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 di sini baru-baru ini.

Rashidi memberitahu bahawa usaha lain yang turut dijalankan termasuk mengembangkan lagi program *Trend Marketplace @ Hospital Pulau Pinang* pada awal tahun hadapan.

"Seterusnya, adalah Program 'Bazar Orang Kita' di Swettenham Pier yang bertujuan untuk menyasarkan pengunjung serta pelanggan kapal persiaran terutamanya dari Singapura, Eropah, China dan lain-lain," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Acheh.

## Kerajaan Negeri teruskan usaha tangani risiko banjir

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang meneruskan usaha bagi mengurangkan risiko banjir di negeri ini.

Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari berkata bahawa antara usaha yang diambil adalah melalui pelaksanaan beberapa projek tebatan banjir berskala kecil, sederhana dan berimpak tinggi, khususnya di kawasan berisiko banjir yang telah dikenal pasti.

"Projek tebatan banjir berskala kecil dilaksana menggunakan peruntukan pembangunan negeri dan mengurus, manakala kajian reka bentuk terperinci serta pelaksanaan projek tebatan banjir berskala sederhana pula adalah melalui caruman saliran negeri.

"Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan projek-projek tebatan banjir berimpak tinggi dengan kos sebanyak RM150 juta pada tahun 2017.

"Projek-projek tebatan banjir ini dilaksanakan berasaskan rekod kawasan banjir serta hasil kajian reka bentuk terperinci sebagai langkah mitigasi untuk menangani isu berkenaan.

"Pelaksanaan projek fizikal kemudiannya akan dijalankan setelah kajian siap dijalankan sepenuhnya," katanya semasa menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Lee Boon Heng dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 di sini pada 28 November lalu.




ZAIRIL Khir Johari.

Menurut Zairil, sehingga Mac tahun ini, sebanyak 233 kawasan di negeri ini telah dikenal pasti sebagai kawasan berisiko membabitkan kelima-lima daerah di negeri ini berdasarkan data semasa daripada JPS negeri.

"Daripada jumlah tersebut, 124 kawasan dikenal pasti sebagai *hotspot* banjir manakala 109 kawasan lagi diklasifikasikan sebagai kawasan berisiko banjir," katanya yang juga ADUN Tanjong Bunga.

## Kadar liputan 5G di kawasan berpenduduk capai 91.7 peratus

**GEORGE TOWN –** Kadar liputan rangkaian 5G di kawasan berpenduduk di seluruh negeri Pulau Pinang mencapai kadar 91.7 peratus sehingga 17 November lalu.

Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari berkata bahawa sebanyak 445 daripada 450 tapak pemancar struktur komunikasi telah tersedia dengan liputan 5G di negeri ini.

"Baki selebihnya akan disiapkan sepenuhnya pada penghujung tahun ini," katanya pada sesi penggulungan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 dekat sini pada 27 Disember lalu.

Zairil yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga memberitahu bahawa selain liputan 5G, Kerajaan Negeri turut memberikan fokus kepada rangkaian dalam bangunan (IBC) di negeri ini.

"Selepas Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dan SPICE Arena dilengkapi dengan liputan rangkaian 5G, bangunan Komtar pula telah dilengkapkan dengan kemudahan serupa.

"Sebagai permulaan, beberapa aras yang menjadi tumpuan rakyat untuk berurusan dengan Kerajaan Negeri dan aras-aras penting di Komtar telah dilengkapkan dengan kemudahan rangkaian 5G," katanya.

Mengulas mengenai penambahbaikan telekomunikasi di atas Jambatan Pulau Pinang, Zairil menyatakan bahawa perkara itu telah selesai sepenuhnya pada 31 Oktober lalu.

"Pengujian liputan telah dijalankan oleh Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) bersama dengan pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) pada 13 November lalu.

"Hasil pengujian menunjukkan bahawa liputan komunikasi berada dalam keadaan yang baik dan lancar.

"Justeru, saya ingin menyampaikan penghargaan kepada pihak-pihak terlibat yang telah menjalankan tugas dengan baik sepanjang pelaksanaan rangkaian 5G di Pulau Pinang, sejak penghujung tahun 2021," katanya.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DUN KE-15

# Kawal populasi merpati

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mengambil inisiatif melaksanakan operasi tangkapan secara berkala empat kali seminggu bagi mengawal populasi burung merpati.

Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jason H'ng Mooi Lye berkata bahawa setakat ini sebanyak 88 operasi telah dijalankan dengan 11 kompaun telah dikeluarkan.

"Manakala bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula, tindakan penguatkuasaan iaitu mengeluarkan Notis Tentang Kesalahan (NTK) terhadap pemberi makanan burung atau *bird feeder* turut dilaksanakan sebagaimana yang dilaksanakan oleh MBPP di sini," ujarnya pada sesi penggulungan sempena Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 di sini pada 27 November 2024.

Kenyataan tersebut juga, sekali gus menjawab pertanyaan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong dan ADUN Pengkalan Kota, Wong Yuee Harng berhubung isu koloni burung merpati yang memberi ancaman terhadap kesihatan manusia dan kebersihan tempat awam.

Mengulas lanjut, Mooi Lye memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri bersama-sama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan terus berganding bahu untuk memastikan isu berkaitan dapat ditangani secara cermat, holistik dan berkesan melalui pelbagai inisiatif.



JASON H'ng Mooi Lye.

"Kita (Kerajaan Negeri) juga akan mempergiat usaha untuk meningkatkan kesedaran awam melalui program pendidikan dan pengedaran risalah yang menggalakkan masyarakat umum supaya tidak memberi makan kepada burung merpati.

"(Hal ini) sekali gus memastikan kawasan kita terus terjaga kebersihannya," kata ADUN Jawi itu lagi.

## Jalin kerjasama tangani aktiviti lumba haram

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menjalinkan kerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menangani aktiviti lumba haram yang masih berleluasa di negeri ini.

Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, Daniel Gooi Zi Sen berkata, antara usaha yang boleh dilaksanakan adalah dengan menjalankan lebih banyak operasi sekatan jalan raya terutamanya di lokasi-lokasi *hotspot* lumba haram.

"PDRM telah melaksanakan operasi samseng jalanan atau sekatan jalan raya di kawasan Kuala Sungai Pinang sehingga Kampung Perlis sebanyak dua kali operasi sebulan.

"Sehingga November 2024, sejumlah 22 operasi telah dilaksanakan oleh pihak PDRM di kawasan terbabit.

"Manakala bagi jumlah operasi secara menyeluruh di Daerah Barat Daya pula adalah sebanyak lapan kali sebulan, dan sehingga kini terdapat 27 tangkapan telah dibuat melibatkan 430 sitaan," katanya semasa mengulas isu yang dibangkitkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohamad Shukor Zakariah pada sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 di sini pada 27 November lalu.

Dalam pada itu, Zi Sen menyatakan bahawa Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) telah menjalankan serbuan dan mengenakan tindakan penguatkuasaan terhadap dua pusat kecantikan atau premis estetik yang menjalankan operasi tanpa kebenaran.

Menurut beliau, sehingga kini, terdapat 34 klinik atau premis estetik yang beroperasi dengan kebenaran di negeri ini.

## MBPP, MBSP pasang lebih banyak CCTV berciri baharu

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kini sedang melaksanakan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) dengan ciri-ciri baharu serta dilengkapi dengan sistem analitik pengecaman wajah dan nombor plat kenderaan di kawasan George Town.

Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jason H'ng Mooi Lye berkata bahawa selain memantau keselamatan, tujuan pemasangan CCTV tersebut adalah untuk merekodkan bilangan kenderaan yang keluar dan masuk di kawasan George Town setiap hari.

"CCTV berciri baharu ini juga membolehkan kajian aliran trafik di kawasan George Town dilakukan yang mana pengecaman nombor plat kenderaan serta klasifikasi kenderaan dapat dilihat jelas.

"Ini termasuk pemasangan sistem analitik video untuk 144 unit CCTV sedia ada yang digunakan untuk mengesan kes meletak kenderaan secara haram, kesesakan lalu lintas, objek halangan, kemalangan dan sebagainya.

"Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada bulan April 2025," ujarnya pada sesi penggulungan sempena Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 di sini pada 27 November 2024.

Mengulas mengenai kawasan pentadbiran di bawah Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Mooi Lye yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi memaklumkan bahawa penaiktarafan CCTV dengan ciri-ciri baharu kini pada peringkat kajian kebolehlaksanaan.

"Walau bagaimanapun, bilangan CCTV yang dipasang dan masih berfungsi adalah sebanyak 388 unit dan dijangka mencapai 1,000 unit pada tahun 2025 nanti.

"Bagi MBPP, sebanyak 1,015 unit CCTV telah berjaya dipasang dan dijangka bilangan ini akan mencapai 1,179 unit pada tahun 2025 nanti," jelasnya.

Kenyataan tersebut sekali gus menjawab soalan yang diajukan oleh ADUN Pulau Tikus, Joshua Woo Sze Zeng berhubung jumlah CCTV di Pulau Pinang.

## PenMentor, Wanita Jana Rezeki tingkat kemandirian kewangan

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyediakan platform melalui Program Penang Women Entrepreneurs Mentoring (PenMentor) dalam membantu memberi bimbingan kepada usahawan wanita baru atau yang ingin mengembangkan perniagaan dengan lebih sistematik.

Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam, Lim Siew Khim berkata bahawa setakat ini, seramai 297 peserta telah menyertai program ini.

"Sorotan tahun lalu, para peserta program ini telah mencatatkan peningkatan keuntungan sebanyak 52 peratus secara purata.

"Ini adalah pencapaian yang sangat menakjubkan dalam tempoh empat bulan sejak diperkenalkan," ujarnya pada sesi penggulungan sempena Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 di sini pada 27 November 2024.

Menurut Siew Khim, selain program PenMentor, program Wanita Jana Rezeki (WJR) yang dilaksanakan melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) juga merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri dalam membantu wanita pada peringkat komuniti untuk menjana pendapatan.

"Setakat ini seramai 49 peserta telah menyertai program ini dan bagi meningkatkan penglibatan lebih ramai golongan wanita, mulai tahun hadapan, program ini akan diterapkan dan dijalankan oleh Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK).

"Ahli-ahli JPWK yang berminat akan menjalani latihan mengenai cara pelaksanaan program ini sebagai bekalan ekonomi untuk kelangsungan hidup.


LIM Siew Khim.

"(Dan) melalui program ini, JPWK dapat meningkatkan keupayaan untuk mencapai kemandirian kewangan sekali gus meningkatkan kualiti kehidupan yang lebih baik," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang.

Tambah beliau, bagi merapatkan jurang gender dalam ekonomi, pihaknya bersama-sama PWDC akan menjalankan beberapa program untuk memberdayakan para usahawan wanita di Pulau Pinang.

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DUN KE-15

# Capai sasaran di SUKMA Selangor 2026

**GEORGE TOWN –** Kontinjen negeri Pulau Pinang diseru untuk mendapatkan lebih 50 pingat emas pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA) di Selangor pada tahun 2026.

Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, Daniel Gooi Zi Sen berkata bahwa Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) komited untuk memastikan sasaran tersebut mampu dicapai.

"Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow telah mencabar kontinjen negeri untuk menukar 50 peratus daripada pingat perak yang dimenangi pada SUKMA di Sarawak pada tahun ini kepada pingat emas pada edisi seterusnya.

"Marilah kita bekerjasama untuk mencapai sasaran dalam masa dua tahun berbaki sebelum SUKMA di Selangor berlangsung," katanya ketika sesi penggulungan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 di sini pada 27 Disember lalu.

Dalam acara SUKMA di Sarawak baru-baru ini, Kontinjen Pulau Pinang berjaya merangkul 41 pingat emas, 45 perak dan 53 gangsa.

Zi Sen juga berharap agar Kontinjen Pulau Pinang dapat menunjukkan prestasi yang lebih memberangsangkan pada SUKMA 2026.

Menyentuh mengenai isu lain, Zi Sen menyatakan bahawa sukan *pickleball* kini semakin popular dalam kalangan rakyat negeri ini.



**KONTINJEN Pulau Pinang telah menunjukkan aksi cemerlang dan berjaya mencapai sasaran 40 pingat emas pada temasya SUKMA ke-21 di Sarawak baru-baru ini.**

Walau bagaimanapun, beliau menyatakan bahawa Kerajaan Negeri ketika ini tiada sebarang perancangan untuk membina gelanggang khas bagi sukan tersebut.

"Namun begitu, Kerajaan Negeri akan mengutamakan membina dewan serbaguna yang boleh menempatkan pelbagai jenis sukan," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang.

## Peruntuk RM15 juta anjur snuker, billiard pada Sukan SEA 2027

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersetuju memperuntukkan sejumlah RM15 juta bagi penganjuran sukan snuker dan billiard pada Sukan SEA 2027.

Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, Daniel Gooi Zi Sen berkata bahawa, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menerusi jawatankuasa penganjur sedang memperhalusi cadangan untuk menawarkan beberapa sukan tambahan kepada negeri Pulau Pinang menerusi peruntukan yang dipersetujui.

"Perkara ini akan turut mengambil kira kesesuaian kemudahan sukan sedia ada yang terdapat di Pulau Pinang.

"Kerajaan Negeri yakin penganjuran acara sukan bertaraf antarabangsa bakal membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi tempatan, meningkatkan imej dan reputasi negeri serta negara pada peringkat global," katanya ketika menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ke-15 di sini pada 28 November lalu.

Mengulas lanjut, Zi Sen menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah menghantar permohonan bagi menganjurkan sukan snuker bertempat di Akademi Billiard dan Snuker Wilayah Utara di Bayan Baru kepada KBS.

"Akademi ini juga mempunyai kemudahan sukan lain (di Setia SPICE Arena) dan kemudahan penginapan di lokaliti serta aktiviti ekonomi setempat yang strategik.

"Namun demikian, perbincangan selanjutnya akan diadakan bersama dengan KBS serta negeri-negeri penganjur lain bagi memuktamadkan acara sukan serta lokasi yang terlibat di negeri Pulau Pinang," ujarnya yang juga ADUN Padang Lalang.



**DANIEL Gooi Zi Sen.**

## RMM Ujong Batu diusaha demi realisasikan projek pembaruan semula bandar Pulau Pinan

**GEORGE TOWN -** Demi merealisasi projek pembaharuan semula bandar di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri hari ini akan terus berusaha memastikan projek Rumah Mampu Milik (RMM) Ujong Batu menjadi kenyataan.

Exco Perumahan dan Alam Sekitar, Dato' Seri S. Sundarajoo berkata demikian dalam ucapan penggulungannya sempena Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-15 di sini pada 27 November 2024.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai itu lagi, Kerajaan Negeri hari ini akan terus memantau projek perumahan lama seperti Wisma Telaga yang gagal mendapat hak milik strata.

"Kerajaan Negeri berpandangan perumahan Wisma Telaga ini lebih sesuai dijadikan projek pembaharuan semula bandar.

"Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada persetujuan kesemua pemilik dan kelulusan Kerajaan Negeri," jelasnya sambil memuji kesungguhan ADUN Bagan Dalam, K. Kumaran yang senantiasa membuat tindakan susulan bagi merealisaikan perojek RMM Ujong Batu sebelum ini.



**S. Sundarajoo.**

Selain itu, Sundarajoo menyatakan bahawa Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) dalam proses mengaktifkan kembali Perbadanan Pengurusan (MC) Taman Siakap untuk melancarkan projek pembaharuan semula bandar.

Menurut beliau, usaha tersebut adalah penting sebelum proses panggilan mengemukakan cadangan (RFP) dibuat, yang mana dijangka akan membekalkan keseluruhan 400 unit RMM (200 RMM B2 dan 200 RMM C3).

"Sesi libat urus bersama pemegang taruh diadakan dalam bulan Disember 2024," ujarnya sebagai menjawab perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Seberang Jaya, Izhar Shah Datuk Arif Shah.

# Bangunan asrama baru penginapan khas pelajar Pulau Pinang di Universiti Al-Azhar

**SETAKAT** ini, lapan daripada 12 program yang dirancang peringkat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah dilaksanakan dengan melibatkan perbelanjaan 'dana tawaqquf'.

Timbalan Ketua Menteri I, **DATO' DR. MOHAMAD ABDUL HAMID** memberitahu bahawa salah satu projek yang telah berjaya dilaksanakan adalah pembelian bangunan baharu di Kaherah, Mesir dengan melibatkan perbelanjaan 'dana tawaqquf' sejumlah RM17 juta.

Beliau yang juga ADUN Batu Maung turut menjelaskan bahawa 'dana tawaquf' adalah suatu istilah di negeri Pulau Pinang sahaja yang mana merujuk kepada baki dana kutipan zakat yang sepatutnya diagihkan dalam tahun semasa, dan mesti dibelanjakan dalam had tempoh enam bulan pada tahun berikutnya sebagaimana difatwakan sebelum ini.

Pun begitu, tambah Mohamad, mengambil kira perancangan pembangunan semasa yang melebihi tempoh enam bulan, mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang membenarkan 'dana tawaqquf' itu dibelanjakan dalam tempoh 12 bulan berikutnya dengan had maksimum perbelanjaan adalah selama 10 tahun mengikut tahun semasa ia tidak dibelanjakan.

Wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** cuba mendapatkan komentar lanjut daripada **KHAIRUL AMAN BISTAMAN**, 53, yang merupakan Atase Pendidikan Sementara di bawah MAINPP yang baru ditugaskan untuk membantu tugas-tugas khas kedutaan di Kaherah, Mesir.

Menerusi sesi telesidang, Khairul Aman yang juga Penolong Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) memberitahu bahawa inisiatif membeli bangunan baharu di *Nasr City*, Kaherah itu sebenarnya mula direncana sejak tahun 2019.

"Oleh kerana COVID-19 melanda dunia termasuk Mesir, usaha membeli bangunan baharu untuk dijadikan penempatan pelajar-pelajar kelahiran Pulau Pinang di Universiti Al-Azhar, Mesir tertangguh dari tahun 2020 hingga 2022.

"Pada hujung tahun 2022, apabila COVID-19 kian reda, MAINPP meneruskan usaha tertangguh itu yang mana Surat Niat telah dikeluarkan kepada penjual bangunan tersebut pada awal tahun 2023.

"Dato' Timbalan Ketua Menteri yang baru dilantik sebagai Yang Dipertua Majlis (MAINPP) telah mengarahkan supaya usaha membeli bangunan baharu tersebut dipercepatkan, dengan



KHAIRUL Aman Bistaman.

pembayaran awalan kira-kira 40 peratus dibuat semasa itu.

"Masih saya ingat lagi, Dato' Timbalan Ketua Menteri I menyasarkan kerja-kerja pengubahsuaian bangunan tersebut dapat disegerakan untuk digunakan sebagai penempatan pelajar, sempena kemasukan pada bulan September 2024.

"Beliau sendiri bersama-sama beberapa pemimpin negeri Pulau Pinang terbang dari Malaysia, untuk menyempurna Majlis Penyerahan Bangunan Kosong kepada MAINPP pada bulan September baru-baru ini," jelasnya kepada Buletin Mutiara baru-baru ini.

Buletin Mutiara difahamkan, bangunan asrama baharu tersebut adalah setinggi 11 tingkat dan mempunyai aras bawah tanah serta aras bumbung. Pada satu-satu masa, bangunan tersebut boleh menampung kapasiti maksimum penghuni seramai 180 orang.



DR. Mohamad Abdul Hamid (duduk, kanan sekali) ketika bertemu dengan pihak berwajib bagi merealisasikan usaha MAINPP membeli bangunan baharu di Kaherah.

Mengulas lanjut, Khairul Aman menyatakan bahawa Kerajaan Negeri hari ini menerusi MAINPP dan Zakat Pulau Pinang (ZPP) sebenarnya sedar dan cakna mengenai peningkatan jumlah pelajar Pulau Pinang yang melanjutkan pengajian di Universiti Al-Azhar, Mesir.

"Usaha pembelian bangunan ini telah bermula beberapa tahun lepas (sejak 2019) dan disempurnakan selepas Dato' Timbalan Ketua Menteri I (Mohamad) dilantik sebagai Yang Dipertua MAINPP.

"Pembelian bangunan baharu ini memberitahu kepada kita semua bahawa MAINPP dan Zakat Pulau Pinang (ZPP) senantiasa berusaha memenuhi keperluan dan kebajikan para pelajarnya (anak kelahiran Pulau Pinang yang melanjutkan pengajian di sini (Kaherah, Mesir)," ulasnya lanjut.




KETUA Menteri bersama-sama isteri, Puan Tan Lean Kee (duduk, dua dari kiri), Zairil Khir Johari (duduk, dua dari kanan) serta delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang di Universiti Al-Azhar bergambar kenangan dengan para pelajar Pulau Pinang ketika mengadakan lawatan ke Kaherah, Mesir baru-baru ini.



WAJAH bangunan baharu yang dijadikan asrama penempatan pelajar-pelajar di Universiti Al-Azhar, Kaherah Mesir dan ia menjadi simbol usaha MAINPP selama ini dalam memartabat pendidikan Islam Pulau Pinang.

Bukan setakat itu sahaja, beliau menjelaskan bahawa di bawah pentadbiran Mohamad selaku Yang Dipertua MAINPP baharu juga turut meluluskan sejumlah peruntukan dari sumber ZPP bagi menyelenggara bangunan asrama lama sedia ada untuk pelajar-pelajar kelahiran Pulau Pinang di Universiti Al-Azhar, Mesir.

"Saban tahun, jumlah pelajar dari negeri Pulau Pinang di Universiti Al-Azhar semakin meningkat, namun, bangunan asrama sedia ada tidak cukup untuk menampung peningkatan para pelajar kita.

"Bangunan asrama sedia ada pada satu-satu masa boleh menampung antara 55 hingga 60 orang sahaja.

"Bangunan asrama sedia ada dalam keadaan lama dan uzur kerana dibeli pasa tahun 1978, kali terakhir diselenggara pada tahun 2008.

"Apabila keadaan bangunan lama dan uzur ini sampai ke pengetahuan Dato' Timbalan Ketua Menteri I, beliau telah mendapatkan kelulusan peruntukan Zakat Pulau Pinang (ZPP) dengan jumlah tertentu, untuk kerja-kerja membaik pulih agar mereka yang menghuni di asrama ini turut merasai keselesaan sama seperti mereka yang mendapat tempat di bangunan asrama baru, sempena kemasukan pelajar pada bulan September 2024," ujarnya sambil memberitahu bahawa bangunan lama dan baharu secara kebetulan berada saling menyebelah serta berada dalam kawasan penempatan asrama pelajar-pelajar Malaysia dari negeri lain juga.

Selain itu, Khairul Aman memberitahu bahawa MAINPP buat kali pertama sejak 42 tahun lepas telah menghantar seorang atase atau pegawai yang ditugaskan untuk membantu pihak kedutaan Malaysia untuk tugas-tugas khas berkaitan soal kebajikan, penginapan dan penyelenggaraan penempatan anak-anak Pulau Pinang yang melanjutkan pengajian di Universiti Al-Azhar, Mesir.

"Kebanyakan negeri-negeri di Malaysia memang ada menghantar atase, tetapi Pulau Pinang buat kali pertamanya selama 42 tahun MAINPP baru menghantar atase ke Kaherah, Mesir.

"Mungkin kerana Dato' Timbalan Ketua Menteri I menyedari jumlah pelajar dari negeri Pulau Pinang, di sini (Kaherah, Mesir) semakin meningkat, maka keperluan menguruskan dan menyelenggara kedua-dua bangunan asrama ini untuk memastikan soal kebajikan pelajar terus dijamin, maka MAINPP diarahkan untuk menghantar atase," katanya.

